Rafidah: Pengukur baru kejayaan PKEN

JOHOR BAHRU, Isnin — Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri (PKEN) kini mempunyai kayu pengukur baru bagi menentukan kejayaannya sebagai perbadanan komersial Kerajaan.

Kayu pengukur sebelum ini ialah keuntungan, manakala sekarang, kayu pengukurnya ialah pindah milik anak-anak syarikat PKEN kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz berkata, PNB hanya akan mengambil-alih milik anak-anak syarikat PKEN yang mencapai keuntungan cemerlang dan tinggi prestasinya.

Jadi, bila banyak anak syarikat dalam satu-satu PKEN yang diambil-alih oleh PNB bererti PKEN telah mencapai kejayaan yang diharapkan, kata beliau di majlis jamuan tahunan PKEN Johor di sini semalam.

Datin Paduka Rafidah menggesa PKEN melipatgandakan usaha meninggikan keuntungan dan prestasi setiap anak syarikatnya.

"Keuntungan bererti kejayaan kepada anak syarikat itu sendiri, manakala bila dipindah milik kepada PNB bererti kejayaan kepada PKEN tersebut secara keseluruhan," kata beliau.

Matlamat

Datin Paduka Rafidah juga mengarahkan PKEN mengikiskan sikap memandang setiap kegagalan sebagai satu pelajaran.

"Kita sekarang tidak mempunyai masa untuk belajar dari kesilapan, setiap projek yang akan dijalankan mestilah dikaji untung ruginya. Jika pasti berjaya teruskan, jika akan menemui masalah dan kegagalan, batalkan saja projek itu," katanya.

Kejayaan satu-satu PKEN, kata Datin Paduka Rafidah, bergantung kepada beberapa perkara tertentu. Antaranya Lembaga Pengarah mesti mempunyai matlamat perjalanan PKEN-nya.

Lembaga Pengarah mesti mempunyai komitmen tulen, sementara pihak pengurusan menjalankan tugasnya dengan jujur dan dedikasi.

Perancangan projek-projeknya mesti dibuat dengan teliti, sebolehbolehnya elak dari membuat kesilapan dan ini diikuti dengan sumbangan tenaga pekerja.

Menurut Datin Paduka Rafidah, bila kesemua perkara ini diambil kira, beliau yakin setiap projek yang dijalankan oleh PKEN sukar menemui kegagalan.

Datin Paduka Rafidah memberitahu di majlis itu, setiap eksekutif perbadanan yang tarafnya sama dengan pegawai kerajaan tingkatan dimestikan mengisytiharkan harta mereka.

Mereka tidak dikecualikan dari arahan kerajaan ini walaupun perbadanan adalah agensi kerajaan. Arahan tersebut meliputi semua pegawai kerajaan tingkatan tersebut, tidak kira di mana mereka berkhidmat.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia